

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JMK 312 - Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab mana-mana EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Setiap soalan bernilai 25 markah.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

1. Prof. Dr. Ali Ahmad berpendapat pengarang **Sejarah Melayu** dari peringkat awal lagi telah mengemukakan dengan amat yakin bahawa bangsa Melayu yang menjadi pusat tumpuannya di dalam **Sejarah Melayu** itu wujud atas satu falsafah atau etos politik yang diwarisi turun temurun. Falsafah ini dirakamkan di dalam bentuk wa'adat di antara Sang Sapurba (Raja Melayu Pertama) dan Demang Lebar Daun (Bendahara Pertama) yang dimeterai di Bukit Siguntang

Ali Ahmad, **Kesusasteraan Melayu di dalam Tawawur Islam**, Syarahan Umum Perlantikan Profesor, USM, 1989.

- (i) Apakah wa'adat di antara raja rakyat itu?
(ii) Apakah akibat daripada tidak mematuhi wa'adat tersebut yang menimpa negara-kota Singapura dan Melaka?

(25 markah)

2. Pada pendapat anda apakah faktor-faktor yang menyebabkan Hang Jebat (**Hikayat Hang Tuah**) dan Megat Seri Rama (**Tuhfat al-Nafis**) bangkit menderhaka menentang raja mereka? Dan apakah faktor-faktornya pula yang menyebabkan Tun Hassan Temenggong (**Sejarah Melayu**) dan Tun Braim Bapa (**Hikayat Raja-Raja Pasai**) tidak menderhaka kepada rajanya walaupun mereka dianiaya? Bincangkan.

(25 markah)

3. Tunjukkan persamaan dan perbezaan antara peranan yang dimainkan oleh Bendahara Paduka Raja (**Sejarah Melayu**) dan Lambu Mangkurat (**Hikayat Banjar**).

(25 markah)

4. Sejauh manakah dapat dikatakan bahawa sebab-sebab keruntuhan kerajaan Pasai (**Hikayat Raja-Raja Pasai**) itu ada persamaan dengan sebab-sebab keruntuhan kerajaan negeri Melaka (**Sejarah Melayu**)? Bincangkan

(25 markah)

5. Dalam **Hikayat Merong Mahawangsa** terdapat banyak peristiwa yang diceritakan secara simbolik, seperti peristiwa Raja Bersiung, Syekh Abdullah dengan Penghulu Iblis, Putera Raja Buluh Betung dan Puteri Buih. Daripada peristiwa tersebut anda dikehendaki memberi tafsiran sendiri menurut fikiran yang logik serta alasan-alasannya.

(25 markah)

6. Pengarang-pengarang teks sastera sejarah mempunyai gaya tersendiri dalam melukiskan watak dan perwatakan watak penting dalam karya mereka; sebab itu ada perbezaan yang jelas di antara pengarang **Hikayat Hang Tuah**, menggambarkan watak Hang Tuah, pengarang **Syair Sultan Maulana**, menggambarkan watak Laksamana dan pengarang **Hikayat Raja-Raja Pasai**, melukiskan watak Tun Braim Bapa. Sejauh manakah terdapatnya perbezaan tersebut? Bincangkan.

(25 markah)

7. Kisah percintaan yang abadi terdapat juga dalam teks historiografi Melayu. Antaranya kisah cinta Raja Kechik Siak terhadap isterinya Tengku Kamariah (**Tuhfat al-Nafis**) dan Sultan Mahmud Shah terhadap Tun Fatimah (**Sejarah Melayu**). Berikan alasan-alasan yang menunjukkan kerana cinta yang abadi itu menyebabkan Raja Kechik Siak dan Sultan Mahmud Shah sanggup buat apa saja demi kerana cinta mereka terhadap isteri mereka itu.

(25 markah)

ooo0ooo